

## KESELAMATAN AWAM, PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN PERTUKARAN JARUM

### LATAR BELAKANG

Pengguna dadah suntikan (Injecting drug user, IDU) dilaporkan merangkumi 16 peratus daripada kesemua kes jangkitan baru HIV dan 24 peratus daripada 1.1 juta penduduk Amerika Syarikat yang hidup dengan HIV pada tahun 2006.<sup>1,2</sup> Sebagai strategi pencegahan HIV/AIDS, program pertukaran jarum (syringe exchange programs, SEP) merupakan satu program kesihatan awam yang berkesan bagi mengurangkan jangkitan HIV dan virus lain yang berjangkit melalui darah di Amerika Syarikat.<sup>3</sup> SEP telah dibuktikan secara saintifik dengan melupuskan secara selamat bahan-bahan suntikan yang telah digunakan oleh pengguna dadah dan melindungi penguatkuasa undang-undang daripada tersuntik jarum yang berkemungkinan mengandungi virus seperti HIV dan hepatitis C. Penyelidikan yang dijalankan juga menunjukkan bahawa SEP tidak menggalakkan penggunaan dadah meningkatkan atau kes jenayah dalam masyarakat.

### SEP MELINDUNGI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG DARIPADA KECEDERAAN DISEBABKAN JANGKITAN

- SEP membantu dalam mengurangkan kadar jangkitan disebabkan tersuntik jarum di kalangan pegawai polis dan mampu membantu mengurangkan bilangan jarum yang dicemar dalam masyarakat.<sup>4</sup>
- Satu kajian tentang pegawai polis di Rhode Island mendapati bahawa lebih kurang 30% daripada mereka pernah tersuntik jarum sekurang-kurangnya sekali sepanjang kerjaya mereka, dengan lebih daripada 27% mempunyai pengalaman dua kali atau lebih.<sup>5</sup>
- Satu kajian berkaitan pegawai polis Connecticut mendapati bahawa kecederaan disebabkan jarum boleh dikurangkan sebanyak 66 peratus selepas pelaksanaan program pertukaran jarum.<sup>6</sup>

*“Program pertukaran jarum telah terbukti keberkesannya bagi mengurangkan jangkitan virus melalui darah. Beberapa kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa program pertukaran jarum tidak menggalakkan penggunaan dadah. Saya juga difahamkan bahawa kajian menunjukkan program sebegini adalah berkesan untuk pengguna dadah yang ketagihan jika program ini dilaksanakan secara menyeluruh dan menawarkan perkhidmatan seperti rujukan kepada khidmat kaunseling, penjagaan kesihatan, rawatan dadah, pencegahan HIV/AIDS serta saringan HIV dan kaunseling.”*

- Gil Kerlikowske, Pengarah kepada Pejabat Polisi Kawalan Dadah White House dan mantan Ketua Polis Seattle, dalam jawapannya kepada soalan bertulis dalam proses pengesahan jawatannya, April 2009

*“Pertukaran jarum telah banyak membantu dalam memperbaiki suasana kerja untuk agensi-agensi penguatkuasa undang-undang dan mengurangkan kadar jangkitan HIV dan hepatitis.”*

- Ronald E. Hampton, Pengarah Eksekutif, Kesatuan Pegawai Polis Orang Kulit Hitam Berhad, Julai 2009

*“Sekalipun pencegahan penyalahgunaan dadah dan rawatan amat penting, program pertukaran jarum juga perlu dijalankan bagi membantu mengurangkan risiko terhadap kesihatan yang diakibatkan oleh penggunaan dadah suntikan.”*

- Al Lamberti, Syerif Broward County, Florida, Ogos 2009

## SEP MENGGALAKKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN AWAM DENGAN MELUPUSKAN BAHAN-BAHAN SUNTIKAN YANG TELAH DIGUNAKAN

- SEP mengurangkan penggunaan jarum yang dicemari di kalangan pengguna dadah. Program pertukaran jarum mendidik serta mengajar peserta program tentang cara-cara yang betul membuang jarum terpakai.<sup>7,8</sup>

*“Jika anda melihat polis berperanan mengekalkan masyarakat agar bebas daripada jenayah dan keadaan tidak terkawal, saya berasa program pertukaran jarum dapat membantu dalam mencapai matlamat berkenaan... Saya berasa program ini membantu kami dalam memastikan pegawai kami selamat.”*

— Kapten Andrew Smith  
Jabatan Polis Los Angeles

- Di banyak negeri, program pertukaran jarum secara aktifnya menggalakkan peserta program untuk memulangkan sebanyak mungkin jarum yang telah digunakan.<sup>9</sup> Disebabkan galakkan sebegini, majoriti jarum yang telah diagihkan oleh SEP telah dipulangkan.<sup>9</sup> Satu kajian Baltimore menunjukkan bahawa SEP mampu mengurangkan bilangan jarum yang dibuang dengan cara yang salah sebanyak hampir 50 peratus.<sup>10</sup>
- Kajian menunjukkan sejak SEP diperkenalkan dalam masyarakat, jarum yang telah digunakan dapat dibuang dengan selamat. Misalannya di Portland, bilangan jarum yang dibuang dengan tidak betul dapat dikurangkan sebanyak dua per tiga selepas pengenalan SEP.<sup>11</sup> Dalam tahun 2000, lebih kurang 3.5 juta jarum yang digunakan telah berjaya dikumpul semula dan dibuang dengan selamat sebagai sisa berjangkit.<sup>12</sup>

*“Saya secara terbuka dan dengan sepenuh hatinya ingin menyokong pelaksanaan program pertukaran jarum yang diuruskan dan dibenarkan dari segi undang-undang, di mana jarum yang kotor dan terpakai ditukarkan dengan jarum yang bersih dibasmi kuman.”*

— Robert Schwartz  
Timbalan Ketua Polis, Atlantic City  
17 September 2004

## SEP TIDAK MENINGKATKAN KADAR JENAYAH ATAU PENYALAHGUNAAN DADAH

- SEP tidak akan menggalakkan memperkenalkan penggunaan dadah atau peningkatan kekerapan penggunaan dadah bagi mereka yang sedang mengguna dadah.<sup>13</sup>
- Kewujudan SEP dalam komuniti tidak akan memperluaskan jaringan yang berkaitan dengan dadah atau meningkatkan kadar jenayah.<sup>3</sup> Seperti yang didapati menerusi satu kajian, perkhidmatan SEP didapati memberi kesan terhadap kadar kes pecah masuk dan kes rompak di Baltimore yang telah menurun sebanyak 11 peratus, berbanding dengan bandar yang tidak mempunyai SEPs mengalami peningkatan kadar jenayah sebanyak 8 peratus.<sup>14</sup> Satu kajian lain menunjukkan bilangan orang yang ditangkap oleh polis juga tidak lagi meningkat setelah SEP dilaksanakan di Baltimore.

*Di Portland, program pertukaran jarum membantu melindungi penguatkuasa undang-undang dan mereka yang diuji pada peringkat pertama daripada kecederaan yang disebabkan oleh jarum semasa memeriksa badan atau operasi menyelamat. Kami adalah sangat bangga dengan program pertukaran jarum tempatan kami yang mampu membina jaringan sokongan keluarga dan berjaya menyediakan perkhidmatan iaitu rawatan ketagihan. Pertukaran jarum di Portland bukanlah merupakan satu masalah bagi kami malahan telah banyak membantu meringankan beban kerja kami terhadap populasi yang mencabar ini.”*

— Rosanne M. Sizer, Ketua polis  
Bandar Portland, Oregon  
Julai 2009

## KESIMPULAN

SEP adalah tulang belakang bagi usaha pencegahan untuk melindungi kesihatan dan keselamatan pegawai polis dan orang awam dengan mengurangkan jangkitan penyakit melalui darah, termasuklah HIV/AIDS. SEP telah berjaya mengurangkan jangkitan HIV di kalangan IDU dengan nyata. Semenjak pelaksanaan program ini pada akhir 1980-an, jangkitan baru HIV di kalangan IDU telah menurun sebanyak 80 peratus secara keseluruhan.<sup>15</sup> SEP juga membawa manfaat kepada kesihatan penguatkuasa undang-undang, dan mereka ini telah memberi maklumbalas positif terhadap latihan dalam pengurangan kemudharatan (harm reduction) serta diberi penerangan tentang kebenaran undang-undang dan manfaat kesihatan awam dengan kewujudan SEP.<sup>16,17</sup> Kajian menunjukkan bahawa kecederaan disebabkan jarum di kalangan pegawai polis nyata telah berjaya dikurangkan semenjak operasi SEP dimulakan. Malahan, kajian menunjukkan bahawa SEP

mampu membantu menjadikan masyarakat lebih selamat dengan pengumpulan semula jarum yang telah digunakan. Kajian lain pula menunjukkan bahawa program sebegini tidak akan meningkatkan kadar berlakunya kes jenayah dan penggunaan dadah. Usaha untuk menangani penggunaan dadah dan HIV/AIDS amat memerlukan kerjasama antara pihak kerajaan yang menyediakan khidmat kesihatan, pihak penguatkuasa undang-undang serta masyarakat.

## MENGENAI PROGRAM PERTUKARAN JARUM (SEP)

Pengguna dadah suntikan (IDU) mewakili peratusan yang terbesar dikalangan mereka yang baru dijangkiti HIV serta jumlah orang yang hidup dengan HIV di Negara Amerika Syarikat. SEP merupakan salah satu komponen dalam usaha pencegahan HIV termasuklah pendidikan pengurangan risiko, ujian HIV, rujukan untuk mendapat rawatan dadah, dan juga rujukan kepada perkhidmatan perubatan dan sosial yang akan membantu SEP dalam mencapai matlamatnya.<sup>3</sup> SEP menyediakan cara selamat dan efektif kepada IDU untuk menukar jarum yang telah digunakan kepada yang disterilkan. Ini dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV.<sup>18</sup> Sama seperti hospital dan pusat kesihatan lain, komuniti di dalam SEP mengumpul jarum yang terpakai dalam bekas tertutup yang selamat. Bekas ini akan dikumpul dan bahan-bahan suntikan yang telah digunakan akan dilupuskan secara selamat mengikut prosedur yang direka khas untuk pengurusan sisa yang berbahaya. Sehingga November tahun 2007, adalah dianggarkan sebanyak 185 SEPs beroperasi di 36 negeri di Amerika Syarikat, District of Columbia, dan Puerto Rico.<sup>19</sup>

*Helaian fakta ini adalah berpandukan kepada maklumat daripada amFAR, The Foundation of Research, the Centers for Disease Control and Prevention, the Institute of Medicine, the Harm Reduction Coalition, the Law Enforcement Training Institute, Prevention Point Philadelphia, dan daripada The Risks of the Job – Protecting Law Enforcement from Needle Stick Injury, satu terbitan oleh California AIDS Clearinghouse.*

*“Kepentingan kepada pegawai kami adalah impak positif pertukaran jarum terhadap keselamatan awam. Pegawai melaporkan bahawa kemungkinan berlaku kecederaan disebabkan oleh jarum adalah rendah kerana jarum yang ditukar biasanya akan ditutup dengan penutup. Mengikut fakta, selain jarum yang terpakai dapat dimusnahkan, ia turut membantu mengurangkan potensi terhadap bioperubatan yang bahaya serta menyediakan rujukan kepada peserta tentang perkhidmatan perubatan dan program rawatan dadah, sudah tentu program pertukaran jarum bermanfaat terhadap keselamatan dan kesihatan awam dalam komuniti kami.”*

— Fred H. Lau, Ketua Polis San Francisco, 1998

*“Selepas penilaian penyelidikan yang diperolehi setakat ini, saya dan para saintis kanan dalam jabatan sebulat suara bersetuju bahawa program pertukaran jarum sebagai sebahagian dalam strategi pencegahan HIV, merupakan intervensi kesihatan awam yang berjaya mengurangkan jangkitan HIV dan tidak menggalakkan penggunaan dadah secara haram.”*

— Bekas Ketua Pakar Bedah U.S.  
David Satcher, M.D.  
March 2000

## SUMBER:

1. amfAR, The Foundation for AIDS Research. *Fact Sheet: HIV/AIDS in the U.S.* New York: amfAR; May 2009.
2. Centers for Disease Control and Prevention. *Cases of HIV Infection and AIDS in the United States and Dependent Areas, 2007*; February 2009.
3. Marx MA, Crape B, Brookmeyer RS, Junge B, Latkin C, Vlahov D, Strathdee SA. Trends in Crime and the Introduction of a Needle Exchange Program. *American Journal of Public Health.* 2000;90(12):1933–6.
4. McCampbell SW, Rubin PN. A Needle Exchange Program: What's In It For Police? *Subject to Debate.* October 2000;14(10).
5. Lorentz J, Hill J, Samini B. Occupational needle stick injuries in a metropolitan police force. *American Journal of Preventive Medicine.* 2000;18:146–150.
6. Groseclose, SL, Weinstein, B., Jones, TS, Valleroy, LA, Fehrs, LJ, & Kassler, WJ. Impact of increased legal access to needles and syringes on practices of injecting-drug users and police officers—Connecticut, 1992–1993. *Journal of Acquired Immune Deficiency Syndromes & Human Retrovirology.* 1995;10(1):82–89.
7. Doherty MC, et al. Discarded Needles Do Not Increase Soon After the Opening of a Needle Exchange Program. *American Journal of Epidemiology.* 1997;145(8):730–7.
8. Kaplan EH, Heimer R. A Circulation Theory of Needle Exchange. *AIDS.* 1994;8(5):567–74
9. Harm Reduction Coalition. *Syringe Exchange Programs: Reducing the Risks of Needlestick Injuries.* New York: Harm Reduction Coalition; 2006.
10. Doherty MC, Junge B, Rathouz P, Garfein RS, Riley E, Vlahov D. 2000. The effect of a needle exchange program on numbers of discarded needles: A 2-year follow-up. *American Journal of Public Health.* 90(6):936–939.
11. Oliver KJ, Friedman SR, Maynard H, Magnuson L, Des Jarlais DC. Impact of a needle exchange program on potentially infectious syringes in public places. *Journal of Acquired Immune Deficiency Syndromes.* 1992;5:534–535.
12. Centers for Disease Control and Prevention. Update: Syringe Exchange Programs – United States, 2002. *MMWR.* July 2005.
13. Institute of Medicine. *Preventing HIV Infection among Injecting Drug Users in High-Risk Countries. An Assessment of the Evidence.* Washington, D.C.: National Academies Press; 2006.
14. Center for Innovative Public Policies. *Needle Exchange Programs: Is Baltimore a Bust?* Tamarac, Florida: CIPP; April 2001.
15. Centers for Disease Control and Prevention. *Estimates of New HIV Infections in the United States.* Washington, D.C.: CDC; August 2008.
16. Davis CS, Beletsky L. Bundling occupational safety with harm reduction information as a feasible method for improving police receptiveness to syringe access programs: evidence from three U.S. cities. *Harm Reduction Journal.* 2009;6:16.
17. Beletsky L, Macalino GE, Burris S. Attitudes of police officers towards syringe access, occupational needle-sticks, and drug use: A qualitative study of one city police department in the United States. *International Journal of Drug Policy.* 2005;16:267–274.
18. amfAR, The Foundation for AIDS Research. *The Effectiveness of Harm Reduction in Preventing the Transmission of HIV/AIDS.* New York: amfAR; November 2007.
19. Centers for Disease Control and Prevention. Syringe Exchange Programs – United States, 2005. *MMWR.* November 2007; 56(44):1164–1167.



**amfAR, The Foundation for AIDS Research**

120 Wall Street, 13th Floor  
New York, NY 10005-3908  
USA

T: +1 212.806.1600

F: +1 212.806.1601

1150 17th Street, NW, Suite 406  
Washington, DC 20036-4622  
USA

T: +1 202.331.8600

F: +1 202.331.8606

amfAR/TREAT Asia  
Exchange Tower, 21st Floor, Suite 2104  
388 Sukhumvit Road, Klongtoey, Bangkok 10110  
Thailand

T: +66 (0)2 663.7561

F: +66 (0)2 663.7562

**[www.amfar.org](http://www.amfar.org)**